



Peraturan Penangkapan Ikan di Pulau Christmas



Pendekatannya

Ordinan ini telah digubal berikutan penyelidikan dan perundingan dengan komuniti yang melebihi 10 tahun lamanya, dan berhasrat mengimbangi keperluan melindungi bidang perikanan dengan kehendak komuniti.

Habitat laut dan stok ikan yang berkait dengannya di Pulau Christmas (CI) terhad, diiringi kepelbagaian dan kelimpahan spesies yang agak rendah. Sifat Pulau ini yang terpencil serta peluang yang terhad untuk mendapatkan stok daripada sistem terumbu sekitarnya bermaksud bahawa stok ikan di IOT, khususnya ikan terumbu dasar laut, sangat mudah dieksploitasi.

Setelah mengambil kira hal ini, dan bahawa ikan adalah salah satu sumber protein yang utama bagi komuniti di sini, maka pentinglah kita mengambil pendekatan pengurusan yang konservatif untuk mengekalkan stok ikan yang ada sekarang. Jika ikan di sini terlebih ditangkap, mungkin stok yang tinggal tidak mencukupi untuk membiakkan dan mengekalkan populasi yang berdaya hidup.

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan WA bermula pada tahun 2007 dan merangkumi tinjauan visual di bawah permukaan laut, tinjauan video berumpun di bawah permukaan laut dari jarak jauh, tinjauan alam sekitar, pensampelan biologi dan komposisi tangkapan, penerima satelit dan eDNA (DNA alam sekitar yang diperolehi daripada sampel). Kajian telah meneliti komposisi, taburan dan kelimpahan spesies, dan sama ada stoknya bergantung pada populasi setempat ataupun pengambilan berkala dari tempat lain. Maklumat ini digunakan untuk membuat keputusan pengurusan yang termaklum. Setelah lebih banyak maklumat dikutip dan jika bukti menunjukkan bahawa stok ikan telah berubah kelak, maka peraturan baharu yang dicadangkan ini boleh dipinda.

Data sokongan

Maklumat selanjutnya, termasuklah data saintifik, serta Draf Ordinan dan Ringkasan Pengecualian (yang menggariskan peraturan baharu yang dicadangkan) boleh didapati pada laman web Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, sila hubungi Jabatan Perikanan WA (sebahagian daripada Jabatan Industri Utama dan Pembangunan Regional WA) melalui alamat e-mel IndianOceanTerritories@dpird.wa.gov.au atau Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya melalui alamat e-mel IndianOceanTerritories@infrastructure.gov.au

